

Headline **Masjid Negara terus jadi tumpuan**  
Date **02 Aug 2009**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
ADValue **1,645**

Language **Malay**  
Page No **S14**  
Article Size **299 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
PRValue **4,934**



# Masjid Negara terus jadi tumpuan

**JALAN PERDANA** – Kempen Derma Darah dan Pameran Kesihatan yang diadakan di Anjung Makam Pahlawan, Masjid Negara dekat sini menjadi langkah terbaik dalam mengimarahkan masjid berkenaan sebagai masjid terulung di negara ini.

Penolong Pengarah Perhubungan Awam dan Pusat Sumber Masjid Negara, Azhar Tuano berkata, kempen yang diadakan bersempena Hari Pahlawan itu bermula pada jam 10 pagi dan berakhir pada jam 4 petang.

Menurutnya, kempen dan pameran berkenaan diadakan dengan kerjasama Pusat Darah Negara (PDN), Kementerian Pertahanan Malaysia, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, Majlis AIDS Malaysia dan Persatuan



● Beberapa orang Pelatih Inspektor daripada Pulapol mendermakan darah.

Diabetes Malaysia.

"Tanya merupakan salah satu aktiviti yang dirangka Unit Perhubungan Awam dan Pusat Sumber Masjid Negara dan adalah siri yang kedua pada tahun ini," kata-

nya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Beliau berkata, selain dapat mengimarahkan masjid, kempen derma darah itu juga dapat membantu PDN mengisi tabung

darah yang sering mengalami kekurangan terutamanya menjelang musim perayaan.

Katanya, program itu adalah salah satu alternatif ke arah kebajikan yang da-

pat dilakukan oleh pihak Masjid Negara kepada masyarakat umum dalam memberi informasi dan pendidikan yang berguna serta bermaklumat tentang kesihatan.

"Ini juga dapat menggalakkan orang ramai menderma darah sambil beramal dan menghayati semangat pejuang sempena Hari Pahlawan yang disambut pada tarikh 31 Julai setiap tahun," katanya.

Azhar berkata, daripada sejumlah 107 orang yang mendaftar, seramai 91 orang layak untuk mendermakan darah mereka semasa kempen berkenaan diadakan kelmarin.

Menurut beliau, daripada 107 orang penderma yang mendaftar itu, 40 orang daripadanya adalah merupakan pelatih Inspektor daripada Pusat Latihan Polis (Pulapol) Jalan

Semarak dan 30 adalah merupakan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) manakala selebihnya adalah orang awam.

Menurut Azhar, jumlah terbabit adalah yang terbesar setakat ini sepanjang Kempen Derma Darah dianjurkan oleh Masjid Negara bermula pada tahun 2005 lalu.

**layak derma** "Walaupun jumlah itu dilihat sedikit tetapi sumbangan yang diberikan daripada orang awam sememangnya amat dihargai.

"Saya berharap kempen ini akan terus mendapat sambutan dan perhatian daripada orang ramai pada masa akan datang," katanya.

Katanya, Kempen Derma Darah dan Pameran Kesihatan seterusnya akan diadakan pada bulan September atau Disember depan.